

11/05/2001

Pegawai daerah penting pastikan projek lancar

Salina Abdullah

BANGI, Khamis - Pegawai daerah berperanan penting dalam menjayakan projek, terutama dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), walaupun pertumbuhan ekonomi dijana sektor swasta.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata walaupun swasta menjadi jentera pembangunan ekonomi, mereka memerlukan kelulusan, permit dan sokongan daripada pegawai daerah untuk memastikan projek mereka dapat dilaksanakan secara berkesan.

Beliau berkata, pegawai daerah adalah pemangkin yang dapat menjamin kejayaan sesuatu projek, sekali gus membolehkan rakyat menikmati manfaat daripada projek itu.

"Pegawai daerah perlu memantau perkembangan projek dari semasa ke semasa serta menangani segala kelemahan dan rintangan yang timbul.

"Kita tidak mahu projek terbengkalai hanya kerana kegagalan menyelesaikan masalah yang timbul. Kita tidak mahu projek ini terbiar. Kita mahu projek itu siap setidak-tidaknya pada masa yang ditetapkan atau lebih awal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menutup Persidangan Pegawai-pegawai Daerah Seluruh Malaysia Tahun 2001, di sini, hari ini.

Persidangan tiga hari itu dihadiri 158 pegawai daerah dari seluruh negara. Program anjuran Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri ketika merasmikan majlis itu mengarahkan menteri, ketua jabatan dan agensi kerajaan supaya mengawasi setiap projek yang dijalankan, termasuk di kawasan terpencil, bagi memastikan pelaksanaannya lancar serta mengikut jadual.

Malah, beliau berkata, pegawai peringkat bawahan, terutama pegawai daerah perlu melaporkan setiap masa status pelaksanaan sesuatu projek melalui rangkaian komputer.

Perdana Menteri berkata, pemantauan dua hala adalah bagi memastikan setiap projek yang sudah diluluskan, dilaksanakan segera dan segala masalah ditangani sebaik mungkin bagi membantu merangsangkan ekonomi.

"Berbilion ringgit diperuntukkan kepada jabatan, tetapi tidak digunakan sehingga projek tergendala atas sebab tertentu. Kita nak peruntukan digunakan dari Januari hingga Disember dan sebarang kelewatan akan hanya meningkatkan kos pembangunan.

(END)